

14/12/1998

Perwakilan kecam campur tangan luar

PERWAKILAN yang membahaskan usul tergepar Pemuda Umno pada Perhimpunan Agung Khas Umno semalam menyifatkan campur tangan asing dalam hal-ehwal dalaman negara sebagai perbuatan biadap, tidak bermoral dan jahat.

Sehubungan itu, mereka meminta ahli parti supaya bangkit menentang gerakan yang ingin mengugat kerajaan dan menjadi boneka negara asing, agar maruah serta kedaulatan negara dapat dipertahankan.

Wakil Johor, Datuk Mohamed Aziz, berkata penentangan itu perlu disokong oleh seluruh rakyat negara agar gerakan yang ingin menggugat negara dapat dihancurkan.

"Perjuangan mempertahankan kedaulatan, maruah dan kemerdekaan negara seharusnya menjadi nyawa dan darah ahli Umno," katanya membahaskan usul tergepar yang mengutuk campur tangan negara asing dalam pentadbiran negara.

Mohamed berkata, perhubungan negeri menyokong langkah kerajaan membanteras gerakan terbabit, malah kesetiaan terhadap pemimpin tetap kukuh dan subur.

"Kecintaan kepada negara tidak pernah tergugat, malah kami lebih kental dan gigih berjuang dalam Umno dan kerajaan," katanya.

Beliau berkata, Umno Johor juga berikrar memberi sokongan penuh kepada usaha Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menangani masalah semasa politik.

Menurutnya, rakyat tidak akan terpengaruh dengan desakan asing seperti Al Gore dan Soros, yang mahu rakyat negara ini melakukan reformasi.

Sebaliknya, katanya, desakan itu mengukuhkan lagi sokongan rakyat dan ahli Umno kepada kerajaan pimpinan Perdana Menteri.

Perwakilan Terengganu, Datuk Idris Jusoh pula mengingatkan pemimpin asing agar tidak menjadikan gerakan menentang kerajaan di negara ini sebagai batu loncatan untuk bertanding jawatan lebih tinggi.

"Umno akan memastikan Malaysia tidak akan dijajah dari segi fizikal atau bentuk baru dan tidak rela orang asing mempersendakan diri kita dengan menjadi boneka," katanya.

Berikutan itu, katanya, Umno Terengganu mengecam campur tangan asing dalam pentadbiran negara dan berikrar mempertahankan negara.

Menurutnya, penjajahan selama 446 tahun yang bermula penaklukan Melaka pada 1511, sudah memberi pengajaran kepada rakyat negeri ini supaya bersatu mempertahankan kemerdekaan.

Beliau berkata, rakyat juga perlu menghayati sejarah perjuangan dalam Perang Naning, Perang Larut, perjuangan Tok Janggut dan penentangan terhadap penubuhan Malayan Union.

Wakil Perak, Hamdi Abu Bakar berkata, hanya pemimpin yang tidak bermoral sanggup melakukan perbuatan mencampuri urusan dalaman negara lain.

"Namun, tidak mungkin ulat-ulat ini boleh masuk ke negara ini jika tiada yang membuka pintu buat mereka. Golongan ini menyatakan sokongan kepada parti tetapi membiarkan diri diperalatkan, menjadi boneka Barat dan memuliakan satu agenda untuk menjatuhkan negara," katanya.

Golongan itu, kata Hamdi, sebenarnya tidak bermaruah kerana sanggup menggadaikan maruah diri, bangsa dan negara sehingga membuka pekung di dada kepada Barat.

Beliau mengingatkan ahli Umno dan rakyat amnya supaya mengutamakan parti, bangsa dan negara walaupun menghadapi pelbagai masalah.

Wakil Sabah, Yahya Hussin, pula mencadangkan Umno dan kerajaan menentang

usaha penjajahan baru kuasa Barat dengan melancarkan "peperangan siber" dan rangkaian televisyen "Global Satellite News".

Katanya, kerajaan perlu menggempur musuh negara di negara mereka sendiri sama seperti apa yang mereka lakukan sekarang termasuk melalui Internet dan rangkaian televisyen satelit CNN dan CNBC.

"Waktu berkubu dengan betis atau batang pisang tidak sesuai lagi. Jika teknologi maklumat yang mereka guna untuk sebar fitnah maka kita wajar menggunakan wacana yang sama untuk mnggempur petulang itu," katanya.

Yahya juga mengingatkan ahli Umno dan rakyat supaya sedar dan insaf akan usaha Barat yang bertopengkan konsep sejagat untuk menjajah semula negara.

Katanya, dalam keadaan sekarang kita sepatutnya bersatu dan sepakat supaya pucuk kepimpinan pati dan negara dapat menyelesaikan masalah yang dihadapi negara.

"Apakah kita terlalu mementingkan perasaan sendiri sehingga sanggup membiarkan agama, maruah dan negara kita dikorbankan begitu saja," katanya.

Wakil Negeri Sembilan, Amros Ibrahim, mengajak setiap ahli mengeratkan perhubungan dan perpaduan sesama sendiri selain bersyukur dengan nikmat yang yang diperolehi.

"Janganlah kita menjadi boneka kerana kita tidak mudah terpedaya. Marilah kita kuatkan semangat setiakawan terutama sekarang kerana kita sedang lalui jalan yang berliku," katanya.

Amros berkata, ahli yang tidak bersetuju dengan pendekatan parti disaran bertindak meninggalkan Umno daripada menjadi 'gunting dalam lipatan'.

Wakil Perlis, Mastika Junaidah Hussain, berkata Umno tidak akan mengizinkan era penjajahan kembali menguasai negara.

"Kita tidak berkompromi dengan apa-apa perkara yang menyentuh maruah. Kemerdekaan adalah kunci kejayaan dan jangan benarkan tangan ganas merampas semua itu," katanya.

Sementara itu, wakil Selangor, Datuk Saidin Thamby, berkata setiap rakyat harus menangani angkara dan campur tangan Barat, seperti Amerika dengan semangat wajar.

Bagi tujuan itu, katanya, gerakan nasionalisme perlu disemarakkan di semua peringkat untuk meneruskan kedaulatan negara.

Wakil Pahang, Zainal Hassan, berkata kuasa asing begitu berani dan angkuh menyatakan tentangan terhadap negara kerana mereka sudah merancang dan melantik konco-konco, orang suruhan dan orang harapan dalam masyarakat.

Katanya, ini terbukti dengan tindakan mereka menentang keputusan Dr Mahathir pada 2 dan 3 September lalu berkaitan kepemimpinan negara yang dilakukan demi masa depan bangsa.

Beliau juga menasihatkan ahli Umno supaya berhati-hati dan tidak tersalah memilih pemimpin.

"Kita sudah silap pada pemilihan tahun 1993, jangan kita ulangi lagi pada tahun 1999," katanya.

(END)